

Pemuda Umno sifatkan cadangan Pas dangkal

BH1 SEP 2000

KUALA LUMPUR, Selasa - Pemuda Umno menyifatkan cadangan Pemuda Pas untuk mengadakan debat mengenai hak keistimewaan orang Melayu dan disiarkan secara langsung sebagai dangkal serta tidak iklas.

Ketuanya, Datuk Hishammuddin Tun Hussein berkata, cadangan itu menunjukkan Pemuda Pas tiada semangat muzakarah dalam memikirkan masa depan dan mempertahankan hak dan kedudukan Melayu seperti termaktub dalam Perlembagaan.

"Buat masa ini, kami meminta pihak lain khususnya Pemuda Pas supaya tidak membangkitkan isu hak keistimewaan orang Melayu secara terbuka memandangkan isu itu sensitif.

"Sebaliknya, kami mahu perbincangan mengenai ini dibuat secara muzakarah bagi mencari kaedah terbaik untuk menentukan hala tuju dan masa depan orang Melayu," katanya dalam kenyataan yang dikeluarkan, hari ini.

Baru-baru ini, Timbalan Pengerusi Majlis Perundangan Ekonomi Negara Kedua (Mapen II), Datuk David Chua, berkata hak keistimewaan orang Melayu perlu dihapuskan secara beransur-ansur mengikut bidang tertentu jika kerajaan mahu melihat mereka maju dan mampu bersaing dengan kaum lain.

Kenyataan Chua itu mendapat reaksi pelbagai peringkat masyarakat termasuk Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Dalam perutusan sem-

pena sambutan Hari Kemerdekaan ke 43, Dr Mahathir merayu kumpulan ekstremis kalangan tertentu orang Melayu dan Cina menghentikan permainan api perkauman yang boleh merosakkan hubungan baik antara kaum, yang diusahakan kerajaan.

Hishammuddin berkata, cadangan Pemuda Pas untuk membicarakan perkara itu secara terbuka bukan bertujuan membela nasib orang Melayu tetapi lebih kepada kepentingan politik.

"Kalau mereka benar-benar ikhlas untuk membincangkan isu itu, Pemuda Pas tidak perlu mengenakan syarat seperti ditetapkan sebelum ini," katanya.

Katanya, PPUM sentiasa bersikap terbuka dan bersedia untuk berbincang dengan sesiapa saja demi menjaga kepentingan agama, bangsa dan negara.